



## Kesejahteraan Keluarga Kestabilan Negara

**A**ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Segala puji-pujian bagi Allah s.w.t. yang telah melimpahkan segala daulat dan berkat-Nya kepada takhta dan kerajaan. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., ahli keluarga dan para sahabat Baginda, seterusnya ke atas sekalian para tabiin.

Alhamdulillah, Beta memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana limpah nikmat dan rahmat-Nya, Beta mencapai usia keputeraan ke-75, dalam keadaan sihat walafiat, dapat memenuhi peranan yang diamanahkan, sebagai seorang Sultan dalam sistem kerajaan yang berpegang kepada amalan Raja Berperlembagaan dan demokrasi berparlimen. Beta berterima kasih atas lafaz taat setia yang

---

Titah Ucapan sempena Istiadat Menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan yang ke-75 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, 19hb. April 2003.



dizahirkan oleh Paduka Anakanda Raja Muda, mewakili Paduka Adinda Raja Di Hilir, sekalian Raja Bergelar, waris negeri, kerabat diraja, Orang Besar dan Ahli Dewan Negara. Demikian juga dengan ikrar taat setia Mamanda Menteri Besar bagi pihak kerajaan dan rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan.

Dunia sedang menghadapi gelora politik yang mengakibatkan gelombang kegawatan ekonomi. Pencerobohan ketenteraan daripada kumpulan yang ditakrif oleh Amerika Syarikat sebagai 'Tentera Bersekutu' di Iraq, dan kini kebimbangan terhadap wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (*Severe Acute Respiratory Syndrom –SARS*), amat mempengaruhi iklim ekonomi dunia. Meskipun dalam keadaan sedemikian, negara masih berpendirian optimis, meletakkan sasaran 4.5% bagi pencapaian pertumbuhan ekonomi domestik bagi tahun 2003. Dalam tahun 2002, langkah-langkah kerajaan negeri yang selaras dengan pendekatan Kerajaan Persekutuan memperlihatkan hasil yang menggembirakan dengan pencapaian pertumbuhan ekonomi negeri pada tahap 4.2%.

Wabak SARS kini memberikan cabaran besar kepada sektor pelancongan. Meskipun menghadapi cabaran sedemikian, Beta yakin, melalui kebijaksanaan, menggubal dasar ekonomi yang kepelbagaian, negara tetap berupaya meminimumkan kesan-kesan negatif terhadap pertumbuhan ekonomi domestik, melalui usaha meningkatkan produktiviti dan daya saing di sektor-sektor pertanian, pembuatan dan pembinaan. Di negeri Perak, hasrat ini, insya-Allah dapat dicapai melalui projek-projek utama untuk meningkatkan kemudahan fizikal dan prasarana serta usaha pembangunan sumber manusia sebagai pemangkin utama pertumbuhan ekonomi.

Di samping prasarana yang baik, usaha menarik pelaburan akan lebih berhasil jika didukung oleh jentera kerajaan yang cekap dan telus; jentera kerajaan yang mengutamakan khidmat cemerlang serta kepentingan pelanggan. Jentera kerajaan yang dikenali dengan khidmat layanan mesra serta memiliki piawaian yang teruji. Oleh itu, adalah penting untuk anggota perkhidmatan awam diterapkan dengan budaya





cemerlang, di samping memastikan bahawa setiap seorang anggotanya memahami dan menghayati sepenuhnya falsafah dan wawasan pembangunan negara supaya *'delivery system'* dapat ditingkatkan.

Nikmat dan rahmat daripada Allah s.w.t. akan ditambah kepada hamba-Nya yang sentiasa melakukan amal jariah. Untuk itu sikap prihatin yang diperlihatkan oleh kerajaan Beta terhadap keperluan golongan kurang bernasib baik, daripada kalangan keluarga miskin, daif dan kurang upaya, bertujuan meringankan beban hidup mereka melalui pelbagai pendekatan, adalah selaras dengan tuntutan Islam dan nilai kemanusiaan sejagat. Dalam semangat yang sama, daya usaha yang dirintis oleh Paduka Anakanda Raja Muda bersama kerajaan negeri melancarkan Tabung Khas Kemanusiaan Mangsa Peperangan Iraq di peringkat negeri Perak.

**“Dunia melihat tragedi menyayat hati yang menimpa bumi dan warga Iraq. Semoga segala kesengsaraan akan cepat berakhir.”**

Sesuatu bencana yang diturunkan adalah ujian Ilahi untuk dijadikan pengajaran. Dunia melihat tragedi menyayat hati yang menimpa bumi dan warga Iraq. Semoga segala kesengsaraan akan cepat berakhir. Semoga Iraq dapat dibangunkan semula, pada tahap kelajuan yang dapat mengembalikan kehidupan secara *'normal'*, aman lagi makmur, melalui pimpinan dan kerajaan yang diterima oleh warga Iraq dan warga dunia. Kestabilan di Iraq, dengan harapan tidak berlaku sebarang polemik baru di Asia Barat dan kesungguhan merealisasikan keadilan kepada perjuangan Palestin adalah penentu kepada Asia Barat yang lebih stabil. Asia Barat yang stabil akan memberi pengaruh positif kepada dunia yang lebih aman lagi makmur, dan dapat meredakan kegelisahan umat Islam di seluruh dunia.

Tragedi yang berlaku di Iraq perlulah diamati secara mendalam. Iraq telah sekian lama dilanda perpecahan dalaman; perpecahan secara politik, perpecahan secara etnik dan perpecahan secara mazhab.



Kemusnahan di Iraq membawa kemusnahan kepada satu tamadun yang agung. Iraq dengan segala khazanah sejarah dan tamadun, dianugerahi kekayaan minyak, akhirnya dileburkan oleh kuasa asing. Punca kepada kemusnahan ini disebabkan oleh runtuhnya ikatan perpaduan di kalangan rakyat negara tersebut.

**“Perpaduan adalah kunci kepada kesejahteraan keluarga – adalah kunci kepada kestabilan negara. Perpaduan adalah kunci kemakmuran – adalah benteng pertahanan paling utama.”**

Begitulah pentingnya nilai perpaduan. Perpaduan adalah kunci kepada kesejahteraan keluarga – adalah kunci kepada kestabilan negara. Perpaduan adalah kunci kemakmuran – adalah benteng pertahanan paling utama. Oleh itu, Beta menyeru supaya rakyat senantiasa mengutamakan perpaduan. Bagi umat Islam, berpeganglah kepada ajaran Islam yang sentiasa menekankan kepada perpaduan dan melarang sama sekali umatnya bersengketa dan bermusuhan. Bagi warga Malaysia yang berbilang kaum, hayatilah semangat perpaduan, semangat yang telah dipupuk sejak memperjuangkan kemerdekaan negara, semangat yang diasaskan atas jalinan kerjasama; saling memahami – saling menghormati di antara warga yang berbilang agama, kaum, budaya dan bahasa, hingga membolehkan kata sepakat dicapai, hingga terbina sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.

Institusi agama hendaklah dijadikan tempat menyatupadukan umat Islam, sebagai pusat menyebarkan kebenaran melalui penjana ilmu dan pengetahuan. Kekuatan Islam dan kekuatan negara bangsa, bermula dari dalam diri dan daripada keluarga. Institusi keluarga amatlah penting untuk membina warga sihat dalam sesebuah negara. Untuk itu, usaha kerajaan Beta memberi perhatian serius terhadap pendidikan dan program pembangunan keluarga serta usaha memantapkan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kehakiman Syariah, amatlah perlu dilaksanakan secara berkesan.





Beta berterima kasih kepada rakyat atas taat setia mereka kepada Beta serta doa daripada setiap lapisan rakyat terhadap kesejahteraan Beta dan Raja Permaisuri serta kerabat diraja. Hadiah paling istimewa kepada Beta adalah berada di takhta pemerintahan bagi sebuah negeri yang makmur dan melihat rakyat hidup dalam aman damai, menikmati kemakmuran melalui pentadbiran sebuah kerajaan yang demokratik, adil lagi saksama. Sama-samalah dipelihara nikmat keamanan dan nikmat kemakmuran ini. Sama-samalah kita memberikan kerjasama kepada barisan ulama dan umarak yang bertanggungjawab mengendalikan jentera perundangan, jentera pentadbiran, jentera pertahanan dan jentera keselamatan negara. Semoga Allah s.w.t. senantiasa memberikan petunjuk dan hidayah, memandu setiap seorang daripada mereka yang memiliki kuasa, menggunakannya – secara ikhlas, secara jujur, secara amanah dan secara telus.

Beta zahirkan rasa terima kasih kepada Paduka Anakanda Raja Muda, Paduka Adinda Raja Di Hilir, kesemua Raja Bergelar, waris negeri, kerabat diraja, Orang Besar dan Ahli Dewan Negara Perak yang telah membantu Beta memenuhi peranan sebagai seorang Sultan dan secara bersama, berusaha memelihara kemuliaan dan kedaulatan institusi kesultanan di negeri Perak. Terima kasih Beta zahirkan kepada Mamanda Menteri Besar dan Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, pegawai dan kakitangan awam, jentera pertahanan dan keselamatan, pihak swasta, badan-badan sukarela dan rakyat keseluruhannya yang secara bersama telah membangun dan memakmurkan Negeri Perak Darul Ridzuan.

Semoga Allah s.w.t. senantiasa melimpahkan nikmat dan rahmat, memberikan perlindungan serta memberikan petunjuk ke jalan yang mendapat keredaan daripada-Nya. Amin Ya Rabbal Alamin.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.